

MEMARTABATKAN BAHASA MELAYU

Pengajaran dan Pembelajaran

Usaha untuk memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa utama di dunia bukan sahaja perlu dilaksanakan di Malaysia semata-mata. Di negara-negara rantau ini, usaha memartabatkan Bahasa Melayu sebagai *lingua franca* memperlihatkan komitmen yang tinggi oleh pelbagai pihak, terutamanya dalam sistem pendidikan di negara masing-masing. Memartabatkan Bahasa Melayu (MBM) dalam konteks negara ini bermaksud meletakkan bahasa Melayu pada tempat yang sepatutnya, sesuai dengan kedudukannya sebagai bahasa kebangsaan seperti yang termaktub dalam Perkara 152, Perlembagaan Malaysia. Bahasa Melayu juga merupakan bahasa pengantar utama pendidikan berdasarkan Akta Pendidikan 1996. Di ruang lingkup yang lebih luas, usaha memartabatkan bahasa Melayu juga sedang rancak dilaksanakan oleh negara lain yang berada di rantau Asia Tenggara ini, khususnya di Indonesia, Singapura, Brunei dan Thailand. Menerusi mata pelajaran Bahasa Melayu yang dinamik, matlamat untuk memartabatkan bahasa ini dapat digerakkan dengan lebih meluas di serata dunia.

Buku ini mengandungi 26 makalah yang dihasilkan oleh ahli akademik, pengkaji, dan pengamal pendidikan dalam bidang pendidikan Bahasa Melayu dari Malaysia, Indonesia dan Singapura bagi membincangkan usaha yang telah dan sedang dijalankan bagi menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu lebih progresif dan bersesuaian dengan perkembangan dunia semasa. Pembaca diharap dapat memanfaatkan kandungan buku ini sama ada sebagai bahan rujukan, manual amalan dalam proses pengajaran dan pembelajaran, atau sebagai bahan bacaan umum bagi memahami dengan lebih mendalam tentang usaha memartabatkan Bahasa Melayu di rantau ini.

ISBN 978-967-0480-11-4



9 789670 480114